Belanjawan 2027 besar pada angka, belum tentu besar pada persepsi rakyat

Oleh Prof Datuk Dr Kasim Mohd Mansur - Oktober 14, 2026 @ 8:50am



- Foto hiasan

BELANJAWAN 2027 memperlihatkan satu paradoks penting dalam politik dasar awam, iaitu semakin besar skala intervensi kerajaan, tidak semestinya semakin besar pula sokongan politik terhasil daripadanya.

Beberapa hari selepas pembentangan, muncul persepsi negatif seperti 'belanjawan pilihan raya', 'gula-gula politik', keraguan terhadap pelaksanaan dan persoalan, sama ada langkah diumumkan benar-benar mampu mengurangkan tekanan kos sara hidup.

Fenomena ini tidak semestinya menunjukkan penolakan sebahagian rakyat terhadap kandungan Belanjawan 2027. Sebaliknya, ia mungkin lebih tepat untuk dilihat sebagai satu jurang antara prestasi dasar, persepsi ekonomi dan kepercayaan politik.

Sekurang-kurangnya enam kerangka teori dapat membantu dalam menjelaskan mengapa jurang ini berlaku.

Pertama, Expectation-Disconfirmation Theory.



Dalam teori ini, kepuasan tidak ditentukan semata-mata oleh nilai objektif sesuatu dasar, tetapi perbezaan antara jangkaan awal dengan hasil diterima.

Belanjawan 2027 dibentangkan ketika jangkaan politik dan ekonomi berada pada tahap tinggi. Selepas beberapa tahun kerajaan menekankan pembaikan fiskal, peningkatan pelaburan, reformasi subsidi dan pengurangan ketirisan, sebahagian rakyat secara semula jadi mengharapkan 'dividen reformasi' lebih jelas dan segera.

Apabila jangkaan terlalu tinggi, sesuatu yang besar boleh tetap dinilai sebagai tidak mencukupi.

Dalam konteks politik, ini menjelaskan mengapa belanjawan sarat bantuan dan insentif masih boleh menghasilkan reaksi sederhana jika rakyat menjangkakan kesan lebih cepat terhadap pendapatan boleh guna dan kos kehidupan.

Kedua, konsep retrospective economic voting.

Literatur tingkah laku pengundi menunjukkan rakyat lazimnya menilai kerajaan berdasarkan pengalaman ekonomi yang mereka lalui, bukan hanya berdasarkan janji masa hadapan.

Penilaian ini berlaku melalui keadaan pekerjaan, pendapatan, harga barangan, kos perumahan dan kemampuan memenuhi keperluan keluarga.

Justeru, walaupun Belanjawan 2027 mengandungi langkah seperti peningkatan gaji minimum daripada RM1,700 kepada RM2,000 mulai Jun 2027, gaji permulaan RM2,500 bagi pekerjaan separa mahir dan graduan serta penanda aras gaji sara hidup RM3,400 dalam syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), rakyat masih berpotensi menilai kerajaan berdasarkan pengalaman ekonomi mereka sepanjang 2025 dan 2026.

Ini menjelaskan mengapa statistik makroekonomi positif tidak semestinya menghasilkan ganjaran politik segera. Pengundi mungkin memahami ekonomi bertambah baik pada peringkat nasional, tetapi tetap menilai berdasarkan soalan lebih sempit, iaitu adakah kehidupan mereka sendiri semakin baik.

Ketiga, negativity bias atau kecenderungan psikologi manusia memberikan perhatian lebih besar kepada pengalaman negatif berbanding positif.